

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MIROS MEMPERGIAT USAHA MENINGKATKAN KESEDARAN DAN MEMBUDAYAKAN KESELAMATAN BERBASIKAL**

---

**KAJANG, 13 DISEMBER 2020** – Penunggang basikal adalah dinasihatkan untuk mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya bagi menjamin keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal dari Januari hingga Oktober tahun ini merekodkan 54 kematian, 18 cedera parah dan 63 cedera ringan.

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) memandang serius perkara ini dan telah mengenalpasti beberapa intervensi keselamatan jalan raya daripada aspek kejuruteraan dan persekitaran jalan serta tingkahlaku pengguna bagi membendung kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal. Antaranya ialah mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa dan kerajaan tempatan dalam memberikan pandangan serta cadangan terhadap pembinaan dan penambahbaikan lorong-lorong basikal. Ini bagi menggalakkan lagi penunggang basikal menunggang di kawasan dan tempat yang betul. Selain itu, MIROS turut bekerjasama dengan institusi dalam dan luar negara dalam menjalankan kajian dan penilaian terhadap sikap dan keselamatan penunggang basikal di Malaysia serta sentiasa berusaha mencari penyelesaian terbaik untuk meningkatkan lagi keselamatan pengguna jalan raya.

Kelmarin, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Perbadanan Putrajaya, 3M Malaysia dan MIROS telah menganjurkan aktiviti Pra-Pelancaran Kempen Keselamatan Berbasikal pada 11 Disember 2020 di Dataran Putra, Putrajaya yang bertujuan memupuk sikap menunggang basikal secara selamat dan mematuhi peraturan jalan raya di kalangan pengguna basikal terutamanya di Putrajaya.

Aktiviti pra-pelancaran ini telah dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak; Pengerusi MIROS, YBhg. Datuk Suret Singh; Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain; Ketua Pengarah MIROS, Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim; Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Hj Mohd Fadhil; Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat Kementerian Pengangkutan, En. Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh; Timbalan Ketua Pengarah JPJ, En. Zamakhshari bin Hanipah; dan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pengangkutan, Pn. Normah binti Osman.

Antara pengisian yang dijalankan adalah pengedaran risalah dan poster kepada penunggang basikal di beberapa lokasi tumpuan komuniti berbasikal di Putrajaya. Risalah dan poster yang diedarkan adalah mengenai tip penunggalan selamat di jalan raya seperti cara pemakaian yang selamat semasa menunggang basikal, tingkah laku yang tidak dibenarkan semasa menunggang basikal, dan teknik penggunaan isyarat tangan semasa mengayuh basikal.

Dalam perkembangan yang sama, Pertandingan Mencipta Logo dan Slogan bagi Kempen Keselamatan Berbasikal juga sedang dianjurkan oleh pihak MOT dan MIROS. Logo dan Slogan yang terpilih akan menjadi identiti rasmi sepanjang Kempen Keselamatan Berbasikal yang akan dilancarkan pada awal tahun 2021. Pertandingan ini diharapkan dapat menyeru masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mengenai cara menunggang basikal dengan selamat ketika berada di jalan raya, di samping memberi peluang untuk masyarakat menyalurkan kreativiti masing-masing serta menyumbang kepada kejayaan kempen ini. Pertandingan ini dibuka mulai 1 Disember 2020 sehingga 1 Januari 2021.

Kempen-kempen seperti ini akan diteruskan dan diperluaskan ke seluruh negara bermula tahun depan. MIROS dengan kerjasama pelbagai pihak merancang untuk mengadakan pelancaran kempen dengan menganjurkan pelbagai aktiviti dan program yang menarik khusus kepada penunggang basikal bagi memastikan mereka menunggang dengan berhemah demi nyawa mereka dan pengguna jalan yang lain.

Maklumat lanjut berkenaan kempen keselamatan berbasikal ini boleh didapati di laman sesawang rasmi MIROS ([www.miros.gov.my](http://www.miros.gov.my)) dan laman sosial ([mirosroadsafety](https://www.facebook.com/mirosroadsafety)) di Facebook, Twitter dan Instagram.

**IR. TS. DR. KHAILIL ANWAR ABU KASSIM**  
**KETUA PENGARAH**  
**INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA**

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)

**- TAMAT -**